

BERITA HARIAN 14 MAC 2013

Pemimpin muda bincang isu pendidikan di Mauritius

Menggalas tanggungjawab mewakili Malaysia ke 18th Conference of Commonwealth Education Ministers Youth Forum di Mahatma Gandhi Institute, Mauritius cukup mengujakan penulis yang juga Pegawai Rendah Kanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bersama-sama rakan dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Nor Zulaiqa Zulkifli.

Forum berlangsung selama lima hari menemukan kami dengan 54 pemimpin muda lain yang mewakili negara komanwel masing-masing bagi membincangkan isu pendidikan dan kelangsung-

ngan kemajuan pascasasaran Matlamat Pembangunan Milenium 2015.

Dengan tema, *Education in the Commonwealth: Bridging Gaps As We Accelerate Towards Internationally Agreed Goals*, kami selaku pemimpin muda melontarkan pelbagai idea dan pandangan yang bernas dengan memastikan setiap isu pendidikan di negara masing-masing diketengahkan secara inklusif.

Pencapaian forum

Antara pencapaian yang besar dan signifikan dalam forum ini ialah kelulusan penubuhan Pan Commonwealth Student Association (PCSA) memabitkan pasukan penggerak awal dilantik bagi memastikan PCSA ber-

jalan lancar dan menepati kehendak garis panduan yang dipersetujui peserta.

Secara amnya, pertubuhan ini ialah pertubuhan pelajar pertama berstatus antarabangsa yang berperanan sebagai platform pemimpin kesatuan pelajar seluruh dunia untuk duduk semeja dan berbincang serta merangka dan memberi respon ter-

hadap sesuatu polisi negara mahupun antarabangsa.

Dalam melantik ahli pasukan penggerak awal, Malaysia antara calon utama untuk menerajui kerusi perwakilan rantau Asia, namun sayang sekali hasrat itu terpaksa ditangguhkan apabila saya selaku perwakilan Malaysia terpaksa menarik diri daripada pencalonan berprestij itu atas sebab yang tidak dapat dilakukan. Begitu pun, penghormatan diberi kepada Malaysia untuk mengumumkan perwakilan Asia pada sidang plenary 18CCEM Youth Forum.

Pengalaman berharga

Sepanjang berada di Mauritius, kami berpeluang menimba pelbagai pengalaman yang tidak ternilai bersama pemimpin muda negara lain selain menyelami masalah dihadapi rakyat seluruh dunia.

Kami juga bertukar idea mengenai aktiviti kesukarelawan yang berkait rapat dengan usaha meluaskan akses pendidikan kepada masyarakat luar bandar memabitkan golongan muda.

Contohnya, kami tertarik dengan program memper-

kasakan pemimpin muda di Pakistan yang diberi nama Impossible sebagai langkah proaktif dalam memberi kesedaran tentang hak mereka terhadap peluang pendidikan.

Satu lagi, program jalinan maya menerusi teknologi, Taking It Global yang diasaskan kumpulan belia di United Kingdom berjaya memberi impak yang drastik terhadap pelbagai peringkat pelajar bermula dari tadika hingga ke peringkat universiti. Sesungguhnya ini perkongsian idea yang sangat efektif dalam meluaskan lagi corak sumbangan generasi muda kepada negara.

Peserta forum juga berpeluang untuk mengikuti program homestay dengan tinggal bersama-sama keluarga tempatan di sana. Kami dibawa menyelami kehidupan masyarakat berbilang budaya di samping menikmati pelbagai juadah tempatan yang menggabungkan budaya Timur dan Barat selain dibawa melawat sekitar pulau itu.

Wan Azizul Faiz Zulkifli
Universiti Pertahanan
Nasional Malaysia.



Penulis bersama-sama sebahagian rakan peserta 18th Conference of Commonwealth Education Ministers Youth Forum di Mauritius.